

22/12/2001

Senarai calon dikemuka selepas pengebumian Adun

KANGAR, Jumaat - MCA akan mengemukakan nama calonnya bagi mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Indera Kayangan dalam pilihan raya kecil kawasan itu tidak lama lagi, kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selepas upacara pengebumian mendiang Datuk Khor Liang Tee, Isnin ini.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata: "Selepas itu terpulanglah kepada Perdana Menteri untuk menentukan siapa calon yang sesuai bagi Indera Kayangan."

Buat masa terdekat ini, katanya, tugas beliau ialah mendapatkan senarai cadangan calon daripada MCA Bahagian Kangar untuk diteliti kemudian diserahkan kepada Dr Mahathir.

Pilihan raya kecil akan diadakan apabila Khor yang menduduki kerusi DUN Indera Kayangan sejak 1990, meninggal dunia di pusat rawatan Gleneagles Intan, Kuala Lumpur malam semalam selepas dua tahun menderita barah usus.

Empat nama disebut-sebut bakal calon BN bagi pilihan raya kecil itu iaitu Ketua Wanita MCA negeri yang juga Ketua MCA Bahagian Arau, Ooi Ah Lan; Setiausaha MCA Perlis, Tan Khok Keng; Naib Pengerusi MCA Bahagian Kangar, Steven Lim dan Ahli Jawatankuasa MCA Bahagian Kangar, Chng Ban Fan.

Pilihan raya kecil itu dijangka menyaksikan pertandingan antara calon Barisan Nasional (BN) dengan Parti Keadilan Nasional (Keadilan).

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Pengerusi BN semalam berkata, kerusi DUN Indera Kayangan akan diberikan kepada MCA kerana itu `haknya`.

Sementara itu, Presiden Pas, Datuk Fadzil Nor, ketika dihubungi berkata, kemungkinan besar calon Keadilan bertanding di DUN Indera Kayangan `berdasarkan pilihan raya umum 1999' lalu.

Pada pilihan raya itu, Keadilan meletakkan calonnya, Ko Choo Liang, tetapi tewas kepada Khor dengan lebih undi 1,974.

Fadzil berkata, Majlis Presiden pakatan pembangkang akan memutuskan calon selepas menerima cadangan dari negeri.

Keadilan dijangka bermesyuarat di pejabatnya di Taman Sena, di sini, esok bagi menentukan calonnya bagi pilihan raya itu.

Pesuruhjaya Pas Perlis, Hashim Jasin, pula berkata pakatan pembangkang peringkat negeri belum memutuskan sama ada calon partinya atau Keadilan akan bertanding.

"Pas sudah bermesyuarat dengan Keadilan negeri semalam tetapi tidak ada kata putus mengenai calon," katanya.

Mengenai fungsi DAP dalam pilihan raya kecil ini, Hashim berkata: "Kita yakin penyokong DAP akan bersama kita. Kita juga mempunyai isu yang baik pada pilihan raya ini."

(END)